



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA

MAJLIS KEBUDAYAAN NEGARA

**MAKEN**

2022 - 2024



**mymotac**

---

[www.motac.gov.my](http://www.motac.gov.my)

+603 8000 8000

# *Sekapur Sirih*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur atas penubuhan Majlis Kebudayaan Negara atau ringkasnya MAKEN setelah diluluskan Jemaah Menteri pada 28 Oktober 2020, melalui penyelarasan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). MAKEN ini diharap dapat berperanan sebagai satu entiti bebas yang bergerak bersama Kerajaan untuk memperkasa usaha sektor kebudayaan negara bagi mencapai hasrat melahirkan sebuah Negara Maju, Rakyat Berbudaya.

MAKEN berupaya untuk menyumbang peranan besar dalam transformasi sektor kebudayaan menangani arus pemodenan khasnya media baharu. Sukacita juga untuk saya nyatakan bahawa pembentukan MAKEN ini sejajar dengan matlamat, prinsip dan teras Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021. Dalam hal ini, saya menaruh keyakinan agar dasar-dasar seperti Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, dapat direalisasikan.

Saya percaya kombinasi keanggotaan MAKEN yang terdiri daripada pentadbir, pemain industri dan tokoh berpengalaman berupaya untuk menjadi penasihat kepada Kerajaan dalam meneruskan usaha meletakkan sektor kebudayaan setanding dengan bidang-bidang keutamaan yang lain.

Terima kasih

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI  
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**



# *Seulas Pinang*

Pada kesempatan ini, saya mengambil peluang untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan berbanyak terima kasih kepada semua anggota Majlis Kebudayaan Negara (MAKEN) bagi sesi 2022-2024. Komitmen semua anggota terhadap MAKEN akan menjadi satu rangsangan kepada MOTAC untuk meningkatkan usaha mengangkat sektor kebudayaan negara sebagai salah satu sektor penyumbang dalam ekonomi negara.

Sebahagian dari faktor kecemerlangan tadbir urus sektor kebudayaan bertitik tolak daripada keberadaan Majlis Penasihat Kebangsaan Berkenaan Kebudayaan (MPKBK) yang wujud antara tahun 1976 sehingga 2003. MPKBK dilihat berjaya sebagai mekanisme semak dan imbang dalam membangun dan memajukan seni budaya dan warisan negara. Justeru hari ini, diharapkan MAKEN dapat mengambil peranan berkenaan untuk memberi pandangan, cadangan, nasihat dan syor kepada kerajaan berhubung pembangunan dan kemajuan kebudayaan.

Saya turut berharap MAKEN dapat memainkan peranan penting membantu MOTAC melalui Dasar Kebudayaan Negara 2021 memacu usaha merealisasikan visi untuk menjadi Peneraju Gagasan Budaya Nilai Tinggi dalam Pembentukan Negara Bangsa. Pada masa sama, MAKEN diharap dapat melestarikan agenda pemeliharaan, pemuliharaan dan perlindungan seni, budaya dan warisan Negara sejarah dengan peranan MOTAC.

Terima kasih

**YBHG DATUK HAJAH SARAYA BINTI ARBI**

KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA



## ISI KANDUNGAN

1

### TERMA RUJUKAN

4

1.	PENDAHULUAN	5
2.	FUNGSI MAJLIS	5
3.	KEANGGOTAAN MAJLIS	5
4.	PENGOSONGAN JAWATAN	7
5.	TEMPOH JAWATAN	8
6.	MESYUARAT	8
7.	PERJALANAN SEMENTARA FUNGSI PENGERUSI	9
8.	ELAUN	9
9.	MINIT MESYUARAT	9
10.	MAJLIS BOLEH MENGUNDANG ORANG LAIN KE MESYUARAT	9
11.	SETIAUSAHA MAJLIS	10
12.	URUS SETIA	10
13.	DANA	10

2

### SENARAI AHLI

11

1.	STRUKTUR KEAHLIAN	12
----	-------------------	----

# **1 TERMA RUJUKAN MAJLIS KEBUDAYAAN NEGARA**

## **1. PENDAHULUAN**

Majlis Kebudayaan Negara (MAKEN) merupakan badan bebas yang ditubuhkan di luar Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) yang berperanan untuk memberi khidmat nasihat, pandangan dan cadangan kepada MOTAC dan kerajaan berhubung pembangunan, kemajuan serta pemerkasaan dasar berkaitan hal ehwal seni, budaya dan warisan.

Majlis ini diwujudkan sebagai platform tertinggi yang melibatkan wakil penggiat seni, budaya dan warisan daripada pelbagai bidang bagi membincangkan isu-isu berkaitan kebudayaan dan kesenian.

## **2. FUNGSI MAJLIS**

2.1 Majlis ini berfungsi untuk:

**01**

Memberi khidmat nasihat secara perundingan dan perbincangan bersama MOTAC berkenaan kebudayaan termasuk perkembangannya di peringkat antarabangsa;

**02**

Mengemukakan pandangan dalam urusan penambahbaikan berhubung pelaksanaan program kebudayaan yang selari dengan Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN); dan

**03**

Memberi cadangan dan syor berkenaan idea baharu berhubung hala tuju kebudayaan.

2.2 Majlis ini tidak mempunyai kuasa yang bersifat mutlak ke atas perkara-perkara yang diberi melainkan berbentuk nasihat, pandangan atau cadangan yang diputuskan semasa mesyuarat atau direkodkan dalam laporan.

## **3. KEANGGOTAAN MAJLIS**

3.1 Anggota majlis terdiri daripada tokoh-tokoh pelbagai bidang budaya dan penggiat seni yang dipersetujui oleh Pengurusan Tertinggi Kementerian dan dilantik oleh Menteri atas nasihat Ketua Setiausaha.

**3.2 Menteri boleh:**

- i) melantik wakil-wakil Kementerian yang bersesuaian dengan peranan masing-masing dalam usaha memperkasaan seni budaya dan warisan negara. Setiausaha Majlis akan menyediakan laporan kepada Menteri melalui Ketua Setiausaha untuk pertimbangan dan persetujuan; dan
- ii) melantik orang perseorangan yang difikirkan layak dan berpengalaman dalam kebudayaan untuk menganggotai majlis ini.

**3.3 Anggota majlis hendaklah terdiri daripada:**

- i) seorang Pengerusi;
- ii) seorang Timbalan Pengerusi;
- iii) seorang Setiausaha;
- iv) sekurang-kurangnya lima (5) anggota dalam kalangan penjawat awam sebagai Ahli Dilantik;
- v) sekurang-kurangnya lima (5) anggota yang mewakili penggiat seni;
- vi) sekurang-kurangnya lima (5) anggota yang mewakili tokoh/ adi guru budaya; dan
- vii) sekurang-kurangnya dua (2) anggota lain.

**3.4 Anggota majlis boleh meletak jawatan dengan memberi notis dua (2) bulan secara bertulis kepada Menteri dan sesalinan notis itu kepada Setiausaha Majlis.**

**3.5 Pelantikan mana-mana anggota majlis boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Menteri jika didapati tidak lagi layak dan sesuai dengan mengambil kira:**

- i) kejujuran, kecekapan dan kewibawaan pertimbangannya dalam memenuhi tanggungjawab sebagai anggota majlis diragui; dan
- ii) ketekunan dalam memenuhi atau memungkinkannya memenuhi tanggungjawab sebagai anggota majlis.

- 3.6 Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan anggota majlis hendaklah dilantik dalam kalangan orang perseorangan yang pada pendapat Menteri, mempunyai pengetahuan, pengalaman dan kepakaran dalam perkara yang berhubung dengan kebudayaan.
- 3.7 Setiausaha Majlis yang dilantik hendaklah seorang penjawat awam.
- 3.8 Anggota Majlis dalam kalangan penjawat awam hendaklah dilantik mengikut jawatan.
- 3.9 Bilangan anggota majlis yang dilantik mewakili penggiat seni hendaklah sama dengan bilangan anggota majlis yang dilantik mewakili tokoh/ adi guru pada satu-satu masa.
- 3.10 Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang tidak melebihi 20 orang pada satu-satu masa.

#### **4. PENGOSONGAN JAWATAN**

4.1 Jawatan anggota majlis menjadi kosong jika:

- i) meninggal dunia;
- ii) telah dibuktikan terhadapnya, atau telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan:
  - a- suatu kesalahan yang melibatkan penipuan, kecurangan atau keburukan akhlak;
  - b- suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
  - c- apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti denda) lebih daripada dua (2) tahun;
- iii) bankrap;
- iv) tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya;
- v) tidak menghadiri mesyuarat majlis dua (2) kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi, atau dalam hal Pengerusi, tanpa kebenaran Menteri;
- vi) peletakan jawatannya diterima oleh Menteri; atau
- vii) pelantikannya dibatalkan oleh Menteri.

4.2 Jika jawatan seseorang anggota majlis dikosongkan, Menteri boleh jika perlu, melantik orang lain untuk memegang jawatan itu bagi baki tempoh yang dikosongkan oleh anggota itu atau bagi tempoh interim sehingga anggota baru dilantik ke jawatan itu, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

## 5. TEMPOH JAWATAN

- 5.1 Anggota majlis hendaklah memegang jawatan bagi tempoh dua (2) tahun dan layak dilantik semula.
- 5.2 Anggota majlis yang dilantik hendaklah memegang jawatan sehingga pelantikan itu dibatalkan.

## 6. MESYUARAT

- 6.1 Majlis hendaklah bermesyuarat dua (2) kali setahun.
- 6.2 Notis mesyuarat secara bertulis atau melalui mel elektronik hendaklah diberikan kepada anggota majlis sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh mesyuarat.
- 6.3 Pengerusi hendaklah mempengerusikan semua mesyuarat majlis dan :
  - i) sekiranya Pengerusi tiada pada mana-mana mesyuarat majlis kerana apa-apa sebab, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu; atau
  - ii) sekiranya Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tiada pada mana-mana mesyuarat majlis kerana apa-apa sebab, mana-mana anggota majlis lain yang dilantik oleh Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat itu.
- 6.4 Korum majlis hendaklah separuh daripada anggota majlis, termasuk Pengerusi.

## **7. PERJALANAN SEMENTARA FUNGSI PENGERUSI**

- 7.1 Timbalan Pengerusi hendaklah bertindak sebagai Pengerusi dalam tempoh apabila:
- i) jawatan Pengerusi kosong;
  - ii) Pengerusi tidak hadir bertugas atau tiada di Malaysia; atau
  - iii) Pengerusi, kerana apa-apa sebab lain, tidak dapat menjalankan fungsinya.

- 7.2 Timbalan Pengerusi hendaklah, semasa tempoh menjalankan fungsi Pengerusi di bawah seksyen ini, disifatkan sebagai Pengerusi.

## **8. ELAUN**

- 8.1 Anggota majlis yang hadir mesyuarat hendaklah dibayar elaun-elaun yang berkaitan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dan diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

## **9. MINIT MESYUARAT**

- 9.1 Majlis hendaklah memastikan minit mesyuarat diselenggara dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.
- 9.2 Apa-apa minit yang dibuat tentang sesuatu mesyuarat majlis hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya oleh Pengerusi, diterima sebagai keterangan dalam semua prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.
- 9.3 Minit mesyuarat mengikut subseksyen 9.2 merupakan dokumen yang telah dimuktamadkan dan ahli majlis layak bertindak sewajarnya.

## **10. MAJLIS BOLEH MENGUNDANG ORANG LAIN KE MESYUARAT**

- 10.1 Majlis boleh mengundang mana-mana orang yang bukan anggota majlis untuk menghadiri mesyuaratnya untuk menasihati tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan.
- 10.2 Mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen 10.1 boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditentukan oleh majlis.

## **11. SETIAUSAHA MAJLIS**

11.1 Setiausaha Majlis hendaklah bertanggungjawab untuk:

- i) menguruskan hal ehwal majlis;
- ii) menyediakan laporan mesyuarat; dan
- iii) menjalankan apa-apa kewajipan lain sebagaimana yang diperlukan oleh Majlis.

## **12. URUS SETIA**

12.1 Majlis hendaklah mempunyai urus setia dengan apa-apa bilangan penjawat awam untuk membantu majlis dan Setiausaha Majlis.

12.2 Urus setia hendaklah tertakluk kepada arahan, kawalan dan penyeliaan Setiausaha Majlis.

12.3 Urus setia ialah Bahagian Dasar Kebudayaan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya.

## **13. DANA**

13.1 Kerajaan hendaklah menyediakan dana yang mencukupi bagi majlis setiap tahun untuk membolehkan majlis melaksanakan fungsinya.

# **2 SENARAI AHLI MAJLIS KEBUDAYAAN NEGARA**

## STRUKTUR KEAHLIAN

### PENGERUSI

DATO' DR. MOHAMED NAJIB AHMAD DAWA

### TIMBALAN PENGERUSI

TUNKU ZAIN AL-'ABIDIN  
IBNI TUANKU MUHRIZ

### SETIAUSAHA

DR. TAN AWANG BESAR

#### AHLI

DATO' TENGKU KHALIDAH TENGKU BIDIN

#### AHLI

DR. LIM SWEE TIN

#### AHLI

DR. PAUL PORODONG

#### AHLI

DR. REGINA GARAI ABDULLAH

#### AHLI

SUHANA SARKAWI

#### AHLI

MOHD KAMRULBAHRI HUSSIN

#### AHLI

DATO' GOH HIN SAN

#### AHLI

LOW NGAI YUEN

#### AHLI

ABISHEGAM THIYAGA DASS

#### AHLI

RONNIE BAHARI



KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI DAN BUDAYA

**Bahagian Dasar Kebudayaan  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya  
Aras 4,  
No. 2, Menara 1, Jalan P5/6  
Presint 5  
62200 PUTRAJAYA**

Tel: 03 8000 8000 | Fax: 03 8891 7460